Vivian Lee Shea Li (p) lwn Sia Chong Liang

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — PETISYEN PERCERAIAN NO 33–386 TAHUN 2008
UMI KALTHUM PK
8 JANUARY 2010

Undang-Undang Keluarga — Perceraian — Petisyen — Bantahan awal — Pempetisyen gagal mengemukakan pengesahan badan pendamai bahawa usaha pendamaian gagal — Sama ada wujud keadaan luar biasa atau 'exceptional' menjadikan rujukan kepada badan pendamai 'impracticable' — Sama ada pempetisyen perlu mematuhi s 57(2) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976

Pempetisyen telah memfailkan petisyen perceraian pada 11 Disember 2008 dan telah menyerahkan petisyen itu ke atas responden pada 4 Januari 2009. Apabila kes dipanggil untuk dibicarakan, pihak responden tanpa notis kepada pihak pempetisyen dan mahkamah, telah membangkitkan dua isu bantahan awal di bawah ss 57(2) dan 106 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 ('Akta'). Menurut responden, pempetisyen telah gagal mengemukakan apa-apa pengesahan daripada mana-mana badan pendamai bahawa usaha pendamaian telah gagal mendamaikan kedua-dua pihak bertikai itu seperti yang diperlukan di bawah s 106(1) Akta. Seterusnya, responden telah membangkitkan isu bahawa pempetisyen telah gagal mematuhi peruntukan s 57(2) Akta iaitu petisyen perceraian itu perlulah mempunyai kenyataan tentang apakah tindakan yang telah diambil untuk mengadakan suatu pendamaian. Pempetisyen, sebaliknya menyatakan bahawa keperluan s 106(1) Akta 164 tidak terpakai dalam kes ini bersandarkan kepada peruntukan proviso (vi) s 106(1) iaitu terdapatnya keadaan yang luar biasa atau 'exceptional' dalam kesnya yang membuat rujukan kepada badan pendamai itu 'impracticable'. Pempetisyen selanjutnya menyatakan bahawa responden telah dituduh atas dua pertuduhan di bawah ss 506 dan 323 Kanun Keseksaan di mana responden telah mengaku salah ke atas kedua-dua pertuduhan tersebut.

Diputuskan, bantahan awal responden ditolak dengan kos:

(1) Berdasarkan fakta dan keterangan yang dikemukakan mahkamah berpuas hati bahawa terdapat keadaan luar biasa dalam kes pempetisyen yang menyebabkan rujukan kepada suatu badan pendamai 'impracticable' dan keperluan s 106(1) tidak terpakai bagi kes pempetisyen (lihat perenggan 10).

(2) Di dalam kes *Sivanesan v Shymala* [1986] 1 MLJ 400, Mahkamah Agung menyatakan bahawa s 57 terpakai kepada kes perceraian yang dipertikaikan dan tidak terpakai bagi kes petisyen perceraian bersama (memandangkan pempetisyen bersama tidak perlu membuktikan apa-apa), walaupun peruntukan sub-s 57(2) jelas memperuntukkan sebaliknya. Dengan membuat 'anology' kes *Sivanesan* dengan kes ini, dalam keadaan di mana proviso (vi) sub-s 106(1) terpakai, tidak perlu bagi petisyen perceraian mengandungi kenyataan seperti yang diperlukan di bawah s 57(2) (lihat perenggan 13).

[English summary

The petitioner filed a divorce petition on 11 December 2008 and served the petition on the respondent on 4 January 2009. When the case was called for hearing, the respondent, without notice to the petitioner and the court, raised two preliminary issues under ss 57(2) and 106 of the Law Reform (Divorce and Marriage) Act 1976 ('the Act'). According to the respondent, the petitioner had failed to adduce any affirmation from any conciliatory body that efforts for reconciliation had failed to reconcile both parties in dispute as required under s 106 of the Act. Further, the respondent had raised the issue that the petitioner had failed to comply with the provision of s 57(2) of the Act ie the divorce petition should contain statements on actions taken to effect a reconciliation. The petitioner, on the other hand, stated that the requirement of s 106(1) of the Act was not applicable in this case relying on the provisions of proviso (vi) to s 106(1) ie there existed a special or exceptional circumstances in her case; making the reference to the conciliatory body impracticable. The petitioner further stated that the respondent had been charged on two charges under ss 506 and 323 of the Penal Code for which the respondent had pleaded guilty on both charges.

Held, dismissing the respondent's preliminary objection with costs:

(1) Based on the facts and evidence adduced the court was satisfied that there were exceptional circumstances in the petitioner's case making the reference to a conciliatory body impracticable and the requirements of s 106(1) were not applicable to the petitioner's case (see para 10).

(2) In the case of *Sivanesan v Shymala* [1986] 1 MLJ 400, the Supreme Court stated that s 57 was applicable in a divorce case which was disputed and was not applicable in a case of mutual petition (as the joint petitioners need not prove anything), although the provisions of sub-s 57(2) clearly provided otherwise. By an analogy to *Sivanesan*'s case to the present case, in a situation where the proviso (vi) to sub-s 106(1) was applicable, it was not necessary for the divorce petition to contain the statement as required under sub-s 57(2) (see para 13).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai petisyen perceraian, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan–perenggan3448–3451.

Kes-kes yang dirujuk

C v A [1998] 6 MLJ 222; [1999] 3 AMR 2977, MT (dirujuk)
Divorce Petitions No 18, 20 and 24 of 1983, In Re [1984] 2 MLJ 158, MT (dirujuk)
Sivanesan v Shymala [1986] 1 MLJ 400, MA (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ss 57, 57(2), 106, 106(1), (1)(vi)
Kanun Keseksaan ss 323, 506

Low Khim Piow (KP Low & Co) bagi pihak pempetisyen.
Lee Han Yen (Lee Han Yen & Co) bagi pihak responden.

Umi Kalthum PK:

LATAR BELAKANG

[1] Pempetisyen telah memfailkan petisyen perceraian dalam kandungan 3 bertarikh 9 Disember 2008 serta kertas-kertas kausa yang lain ('petisyen') pada 11 Disember 2008. Pempetisyen telah menyerahkan petisyen itu ke atas responden secara ke diri pada 4 Januari 2009. Perakuan ketidakhadiran dalam kandungan 10 telah difailkan pada 12 Januari 2009. Notis perbicaraan bertarikh 12 Januari 2009 telah dikeluarkan di mana tarikh bicara 30 Mac 2009 telah ditetapkan. Responden kemudiannya memfailkan memorandum kehadiran bertarikh 15 Januari 2009 dan jawapan responden bertarikh 15 Januari 2009 pada 19 Januari 2009.

[2] Pempetisyen telah memfailkan balasan kepada jawapan bertarikh 2 Februari 2009 pada 3 Februari 2009.

[3] Pada 30 Mac 2009, apabila kes dipanggil untuk dibicarakan, mahkamah telah menetapkan 25 dan 26 November 2009 untuk kes dibicarakan. Tarikh-tarikh tersebut terpaksa ditangguh ke 9 dan 10 Disember 2009. Sementara itu pihak pempetisyen telah memfailkan ikatan pliding, ikatan dokumen pempetisyen dan notis kepada responden untuk mengemukakan pada 7 Disember 2009. Kenyataan saksi pempetisyen telah difailkan pada 9 Disember 2009. Pihak responden tidak memfailkan apa-apa dokumen selain daripada yang dinyatakan tadi sebelum tarikh perbicaraan.

BANTAHAN AWAL

[4] Apabila kes dipanggil untuk dibicarakan pada 9 Disember 2009, peguamcara responden yang bijaksana tanpa notis kepada pihak pempetisyen

dan mahkamah, telah membangkitkan isu bantahan awal di bawah s 106 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ('Akta 164'). Mengikut peguamcara responden, pempetisyen telah gagal mengemukakan apa-apa pengesahan daripada mana-mana dua badan pendamai (conciliatory body) bahawa usaha pendamaian telah gagal mendamaikan kedua-dua pihak bertikai itu seperti yang diperlukan di bawah s 106(1) Akta 164 itu. Memandangkan syarat ini adalah suatu pra syarat sebelum sesuatu petisyen perceraian boleh difailkan, maka pihak responden membangkitkannya kerana isu ini menentukan sama ada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar perbicaraan kes ini atau tidak.

[5] Memandangkan pihak responden telah tidak memberi notis mengenai bantahan awal ini, mahkamah, atas bantahan pihak pempestisyen, telah bersetuju menangguhkan perbicaraan isu ini. Atas persetujuan kedua-dua pihak, mahkamah telah membenarkan kedua-dua pihak untuk memfailkan hujahan bertulis dalam tempoh terdekat dan bagi mahkamah ini memberi keputusannya pada 17 Disember 2009. Berikut adalah pertimbangan dan keputusan mahkamah ini.

PERTIMBANGAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH

[6] Adalah tidak dinafikan oleh pihak pempetisyen bahawa pengesahan daripada mana-mana badan pendamai tidak diperolehi dan dikemukakan dalam petisyen itu, mahupun dalam mana-mana afidavit pempetisyen. Adalah juga tidak dinafikan bahawa keperluan peruntukan s 106(1) Akta 164 itu memerlukan pihak-pihak bertikai merujuk pertikaian perkahwinan mereka itu kepada suatu badan pendamai terlebih dahulu sebelum memfailkan petisyen perceraian itu. Namun pempetisyen menyatakan bahawa keperluan tersebut tidak terpakai dalam kes ini bersandarkan kepada peruntukan proviso (vi) subseksyen tersebut. Seksyen 106(1) memperuntukkan seperti berikut:

> 106 *Requirement of reference to conciliatory body before petition for divorce.*
>
> (1) *No person shall petition for divorce*, except under sections 51 and 52, *unless he or she has first referred the matrimonial difficulty to a conciliatory body and that body has certified that it has failed to reconcile the parties*:
>
> *Provided that this requirement shall not apply in any case —*
>
> (i) ...
>
> (iv) *where the court is satisfied that there are exceptional circumstances which make reference to a conciliatory body impracticable.*
>
> (Penekanan ditambah.)

[7] Maka adalah terpulang kepada pihak pempetisyen untuk membuktikan pada tahap memuaskan hati mahkamah bahawa terdapatnya keadaan yang luar biasa atau 'exceptional' dalam kesnya yang membuat rujukan kepada badan pendamai itu 'impracticable'. Adalah dihujahkan oleh peguamcara pempetisyen yang bijaksana bahawa terdapat hal keadaan sekeliling (surrounding circumstances) sebagaimana yang diplidkan oleh pempetisyen dan dibuktikan melalui kertas-kertas pertuduhan kes jenayah dari Mahkamah Majistret Muar, iaitu Kes Tangkap No 83–1006 Tahun 2008 dalam eksh 'C' dan Kes Tangkap No 85–50 Tahun 2008 dalam eksh 'D', petisyen itu, di mana responden telah mengaku salah terhadap kedua-dua pertuduhan itu pada 5 Disember 2008, yang menunjukkan dengan jelas wujudnya keadaan yang luar biasa yang menyebabkan rujukan kepada suatu badan pendamai tidak praktik bagi kes ini. Untuk memahami hal keadaan sekeliling yang dirujukkan itu, mahkamah terpaksa memetik perenggan 9–12 petisyen itu seperti berikut:

> 9. Pempetisyen menyatakan bahawa Responden telah bertingkah laku secara yang menyebabkan Pempetisyen tidak boleh dijangka dengan munasabah akan dapat tinggal bersama Responden, antara lain, Pempetisyen sentiasa mengeluarkan kata-kata ugutan kepada Responden dan melakukan perbuatan 5 yang membahayakan nyawa Pempetisyen, contohnya seperti memaksa Pempetisyen naik ke kereta Responden dan kemudian Responden memandu dengan amat laju atau merbahaya seolah-olah hendak membunuh diri Responden dan Pempetisyen sekali.
>
> 10. Selanjutnya, Responden juga pernah mengugut hendak membunuh diri bersama anak-anak tersebut, dalam cubaan Responden hendak menakutkan Pempetisyen.
>
> 11. Baru-baru ini pada 30.11.2008, Responden telah melakukan ugutan jenayah terhadap Pempetisyen dengan berkata 'Jangan harap dapat hidup aman. Wa akan hantar orang untuk pukul dan siram asid ke muka lu dan keluarga lu' dengan niat menyebabkan Pempetisyen berasa cemas. Ekoran perbuatan melakukan ugutan jenayah tersebut, Responden telah dituduh di Mahkamah Majistret Muar Kes Tangkap No. 83-1006-2008 pada 5.12.2008 dan mengaku salah atas satu pertuduhan di bawah *Seksyen 506 Kanun Keseksaan* pada 5.12.2008 juga.
>
> (Sesalinan Kertas Pertuduhan Kes 83-1006-2008 tersebut dilampirkan di sini dan ditandakan eksibit 'C').
>
> 12. Selain itu, pada hari yang sama, iaitu 30.11.2008, Respondan telah dengan sengaja menyebabkan kecederaan ke atas ibu Pempetisyen bernama TEH KIM HONG. Berikutan perbuatan Responden tersebut, Responden telah dituduh di Mahkamah Majistret Muar Kes Saman No. 85-50-2008 pada 5.12.2008 dan mengaku salah atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan pada 5.12.2008 juga.
>
> (Sesalinan Kertas Pertuduhan Kes 85-50-2008 tersebut dan gambar-gambar foto kecederaan yang dialami oleh TEH KIM HONG dilampirkan di sini dan ditandakan secara kolektif sebagai eksibit 'D').

[8] Mahkamah ambil maklum bahawa s 506 Kanun Keseksaan adalah bagi kesalahan 'criminal intimidation' yang membawa hukuman penjara tidak lebih dari dua tahun atau denda atau kedua-duanya, manakala s 323 Kanun Keseksaan adalah bagi kesalahan 'voluntarily causing hurt' yang membawa hukuman penjara tidak lebih dari satu tahun atau denda yang tidak lebih dari RM2,000 atau kedua-duanya.

[9] Walaupun responden, dalam jawapan responden, telah menafikan kenyataan pempetisyen di perengaan 9–12 petisyen tersebut, namun memandangkan bahawa beliau telah mengaku salah terhadap kedua-dua pertuduhan, maka mahkamah bersetuju dengan hujahan peguamcara pempetisyen yang bijaksana bahawa berdasarkan:

9.1 Afidavit pempetisyen yang menyokong petisyen dalam kandungan (4) yang diikrarkan pada 10 Disember 2008, yang telah merujuk kepada kejadian-kejadian yang merupakan perkara dalam kedua-dua pertuduhan itu;

9.2 perkara dalam kedua-dua pertuduhan itu sebenarnya berasaskan laporan polis yang dibuat oleh pempetisyen, iaitu, Bakri Report No. 1920/08 bertarikh 30 November 2008 yang terdapat di ms 1 ikatan dokumen pempetisyen (kandungan 26);

9.3 Bakri Report No 1920/08 tersebut telah merujuk kepada usaha pempetisyen untuk berjumpa dengan responden di rumah ibu mertuanya pada 30 November 2008 bagi membincang, antara lain, masalah keluarga, tetapi perjumpaan itu telah mencetuskan suatu pertengkaran dan mengakibatkan responden bertindak ganas terhadap pempetisyen dan ibu pempetisyen,

kesemua ini merupakan pembuktian fakta dan keadaan yang luar biasa oleh pempetisyen dalam ertikata proviso (vi), s 106(1) Akta 164 itu. Mahkamah menganggapkan kedua-dua pertuduhan itu menunjukkan betapa retaknya rumah tangga pempetisyen dan responden sehinggakan jika pun mahkamah ini memerintah pempetisyen dan responden merujuk permasalahan perkahwinan mereka kepada badan pendamai ianya hanya akan merupakan suatu tindakan yang tidak berguna (impracticable). Malah rujukan itu dikhuatiri boleh menjejaskan lagi kedudukan keselamatan pempetisyen bahkan ahli keluarganya selain daripada melengahkan lagi perbicaraan petisyen pempetisyen (lihat kes *C v A* [1998] 6 MLJ 222; [1999] 3 AMR 2977). Tambahan pula, responden telah tidak menimbulkan dalam jawapan responden apa-apa usaha beliau untuk menyelamatkan perkahwinannya selain daripada membangkitkan kekurangan yang terdapat pada pempetisyen dan telah juga menuntut perkahwinannya dengan pempetisyen dibubarkan.

[10] Dengan itu, mahkamah berpuas hati bahawa terdapat keadaan luar biasa dalam kes pempetisyen ini yang menyebabkan rujukan kepada suatu

badan pendamai 'impracticable' dan keperluan s 106(1) tidak terpakai bagi kes pempetisyen ini. Maka bantahan awal pihak responden adalah ditolak dengan kos RM3,000 yang perlu dibayar kepada pempetisyen oleh responden sebelum tarikh perbicaraan yang akan ditetapkan.

PEMAKAIAN S 57(2)

[11] Peguamcara responden yang bijaksana telah membangkitkan satu lagi isu dalam hujahannya, iaitu, bahawa pempetisyen telah juga gagal mematuhi s 57(2) Akta 164. Ini merupakan bantahan awal yang kedua oleh pihak responden tanpa notis kepada pihak pempetisyen dan diselitkan bersama-sama dengan isu ketidakpatuhan s 106(1). Adalah sangat dikesali pihak responden telah mengambil pendekatan seperti ini, lebih-lebih lagi memandangkan pihak responden mempunyai segala peluang berbuat demikian semasa kes ini dipanggil untuk dibicarakan pada 9 Disember 2009.

[12] Namun demi memberi suatu keputusan yang lengkap, mahkamah akan menimbangkan isu baru yang dibangkitkan itu. Rujukan telah dibuat kepada kes Mahkamah Agung *Sivanesan v Shymala* [1986] 1 MLJ 400 oleh pihak responden. Mahkamah mendapati kes tersebut secara obiter hanya menyatakan s 57 terpakai kepada kes perceraian yang dipertikaikan di mana seseorang pempetisyen perlu membuktikan kesnya, walhal kes tersebut merupakan kes petisyen perceraian bersama. Begitu juga kes *In Re Divorce Petitions No 18, 20 and 24 of 1983* [1984] 2 MLJ 158 merupakan kes petisyen perceraian bersama dan kenyataan YA hakim dalam kes tersebut adalah juga secara obiter.

[13] Seksyen 57(2) memperuntukkan seperti berikut:

> 57 *Contents of divorce petition*
>
> (1) ...
>
> (2) *Every petition* for a divorce *shall state what steps had been taken to effect a reconciliation*.
>
> (Penekanan ditambah.)

Jika dilihat dengan dekat sub-s 57(2), nampaknya *setiap petisyen perceraian* itu perlulah mempunyai kenyataan tentang apakah tindakan yang telah diambil untuk mengadakan suatu pendamaian. Akan tetapi dalam kes *Sivanesan*, Mahkamah Agung telah menyatakan s 57 terpakai kepada kes perceraian yang dipertikaikan dan tidak terpakai bagi kes petisyen perceraian bersama (memandangkan pempetisyen bersama tidak perlu membuktikan apa-apa), walaupun peruntukan sub-s 57(2) adalah jelas memperuntukkan sebaliknya. Maka dengan membuat suatu 'anology' kes *Sivanesan* itu dengan kes kita ini, dalam keadaan di mana proviso (vi) sub-s 106(1) terpakai, tidaklah perlu

petisyen perceraian itu mengandungi kenyataan seperti yang diperlukan di bawah sub-s 57(2) itu. Jika tidak, suatu keadaan yang tidak konsisten akan berbangkit. Iaitu, pempetisyen, jika berjaya memuaskan hati mahkamah di bawah proviso (vi) s 106(1) itu, tidak perlu merujuk kepada suatu badan pendamai tetapi pada masa yang sama perlu menyatakan dalam petisyennya di bawah sub-s 57(2) apakah tindakan yang telah diambilnya untuk mengefekkan suatu pendamaian di mana rujukan kepada suatu badan pendamai merupakan suatu tindakan untuk mengefekkan pendamaian itu. Maka demi mengelak keadaan tidak konsisten ini, mahkamah memutuskan dalam keadaan proviso (vi) s 106(1) terpakai, seperti dalam kes ini, pempetisyen tidak perlu mematuhi sub-s 57(2) itu. Lagi pun dan sebagaimana mahkamah telah mengambil maklum sebelum ini, berdasarkan laporan polis pempetisyen, pempetisyen telah berusaha untuk berdamai dengan responden, tetapi dibalas dengan tindakan ganas responden.

[14] Responden sendiri tidak menyatakan apa-apa usahanya untuk berdamai dengan pempetisyen dalam jawapan responden itu.

Bantahan awal responden ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed